

NO. SOALAN: 351

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL AZEEZ BIN  
ABDUL RAHIM [BALING]**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan menetapkan agar semua Pusat Tahfiz yang ada di Malaysia mengikut silibus yang telah ditetapkan oleh Kerajaan agar selari dengan peredaran zaman. Serta apakah kelayakan minimum untuk seseorang itu menjadi guru di sesebuah Pusat Tahfiz.

**JAWAPAN :** **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk sekolah-sekolah tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama atau undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras

dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri. Oleh itu, aspek kurikulum termasuk silbus sekolah berkenaan adalah berada di bawah kawalan pihak berkuasa negeri berkenaan. Pihak berkuasa negeri sentiasa menjalankan pemantauan dan penaziran bagi memastikan kurikulum yang digunakan benar-benar memberi manfaat kepada murid.

Kerajaan menyedari bahawa kurikulum pendidikan tahfiz perlu diselaraskan untuk menjamin kualiti lepasan pelajar sekolah tahfiz adalah terjamin. Oleh itu, kerajaan melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) sedang merangka model dan kurikulum sekolah tahfiz supaya sesuai dengan keperluan masa kini.

Mengenai kelayakan minimum untuk seseorang itu menjadi guru di sesebuah sekolah tahfiz, secara umumnya semua guru yang mengajar pendidikan agama Islam termasuk pendidikan tahfiz perlu mendapatkan tauliah mengajar daripada pihak berkuasa agama negeri berkenaan. Manakala pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan syarat-syarat berikut untuk pengambilan Guru Interim Tahfiz adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Sihat tubuh badan.
- iii. Umur tidak melebihi 35 tahun.
- iv. Memiliki kelulusan akademik sekurang-kurangnya Lulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam atau

Pendidikan Islam atau Pengajian Bahasa Arab atau Takhassus Qiraat/Tahfiz Wal Qiraat atau bidang-bidang yang berkaitan yang setaraf dengannya daripada Universiti Awam (UA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan atau universiti luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

- v. Calon Guru Interim Tahfiz disyaratkan memiliki Diploma Tahfiz atau Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang diiktiraf oleh Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- vi. Bagi calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/Tahfiz Wal Qiraat dikecualikan daripada syarat pada para v.
- vii. Memperoleh salinan cetakan pengiktirafan kelayakan secara dalam talian dan bertepatan dalam tempoh pengiktirafan sekiranya memiliki ijazah atau diploma daripada UA atau IPTS tempatan dengan merujuk kepada laman sesawang Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di alamat ***<http://app.mohe.gov.my/iktiraf/>***, atau memperoleh surat pengiktirafan ijazah daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara bertulis atas nama calon (bukan cetakan secara atas talian) sekiranya memiliki ijazah daripada universiti luar negara.
- viii. Memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sekian, terima kasih.